

Cerpen Oren

Soalan 1-4 berdasarkan cerpen di bawah ini.

Mengapa, Oren?" Dia tidak tahu akan sebabnya dia menanyakan soalan itu tetapi dia dapat merasakan perasaan yang sayu setiap kali mata Oren dan matanya bertemu. Dia cuba untuk menepis perasaan sayu dan bersalah kerana mengabaikan Oren setelah kehadiran Kelabu.

Dia membawa Oren ke ruang tamu rumahnya semula. Sambil duduk di sofa dia membelai-belai Oren dengan manja. Dia mencuba untuk berbual-bual dengan Oren, iaitu perbuatan yang jarang-jarang dilakukannya. Oren membalasnya dengan mengiau-ngiau.

Aku melihat ayah terpinga-pinga keluar dari biliknya lantas ke ruang tamu. Ayah bertanya tentang Oren. Aku mengatakan bahawa aku tidak melihat kelibat Oren pada pagi itu. Ayah seakan-akan baru tersedar sambil menggeleng kepalanya beberapa kali.

Di meja makan pada pagi itu ayah bercerita kepada kami bahawa dia bermimpi Oren pulang ke rumah semalam, dan hampir semalaman Oren bersama-sama dengan ayah di ruang tamu.

Tiba-tiba Anis muncul di ruang dapur. Kami semua terperanjat kerana di tangannya ialah Oren yang kami tunggu kepulangannya tetapi pada saat itu Oren sudah tidak bernyawa lagi. "Anis jumpa Oren di celah pokok tua yang tumbang semalam di taman permainan." Sebaik-baik sahaja habis kenyataan itu, mata kami sekeluarga terus tertumpu kepada ayah. Ketika itu mata ayah mulai berkaca.

(Dipetik daripada cerpen 'Oren', antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

1 Peribahasa yang tepat untuk menggambarkan pengakhiran petikan cerpen di atas ialah

- A nasi sudah menjadi bubur.
- B air susu dibalas dengan tuba.
- C api kecil baik dipadamkan.
- D anak harimau jangan dibela pelihara.

2 Mengapakah "dia" berasa bersalah setiap kali menatap mata Oren?

- A sering memarahi Oren
- B langsung tidak menyayangi Oren
- C mengabaikan Oren setelah adanya Kelabu
- D memelihara Kelabu bagi menggantikan Oren



3 Yang berikut merupakan nilai yang terdapat dalam petikan, kecuali

- A belas kasihan.
- B bersimpati.
- C keprihatinan.
- D kebijaksanaan.

4. Yang berikut merupakan peristiwa yang berlaku di meja makan pagi itu, kecuali

- A ayah bercerita bahawa dia bermimpi tentang Oren.
- B Anis yang muncul secara tiba-tiba di ruang dapur
- C ayah kelihatan sebak setelah mengetahui Oren sudah tidak bernyawa lagi.
- D Anis memberitahu semua yang di dapur bahawa Oren ditemui selamat di taman permainan.